

# Program Goin' Green Day 2017 FKSW UMS di SMK Bandaraya

NST 11.11.2017 4

KOTA KINABALU: Sera-mai 32 mahasiswa Tahun 3 Program Hubungan Antara-bangsa dan Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Goin' Green Day 2017 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandaraya, Ko-ta Kinabalu baru-baru ini.

Pengarah program, Mo-hamad Sharizal Murad berkata, program yang meli-

batkan pelajar Tingkatan Empat Pertanian Kelas 4 Tekvo 2, SMK Bandaraya itu bertujuan memberi pendedahan awal kepada para peserta terhadap cabaran-cabaran yang bakal dihadapi di menara gading kelak.

"Justeru adalah diharapkan, program seumpama ini dapat memberi motivasi kepada pelajar pertanian SMK Bandaraya agar terus bersemangat mencari dan

menuntut ilmu sehingga mampu melanjutkan pengajian ke universiti," katanya.

Program yang berlangsung selama sehari itu diisi dengan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong menceriakan keindahan Taman Mini sekolah dan sesi memperkenalkan diri.

Turut diadakan satu sesi ceramah dan khidmat nasihat berkenaan 'Tanaman Fertigasi dan Tanaman Hidrponik' yang disampaikan

Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian Labuan, Rody Sibawon.

Hadir sama pada majlis itu, Pensyarah Kanan FKSW UMS merangkap Penasihat Program, Marja Azlina Omar; Guru SMK Ban-daraya, Victor Atin dan Jacqueline George Mool; serta penyumbang pokok bunga, Chong Li Fah dan Chong Yun Chin daripada wakil ibubapa pelajar seko-lah berkenaan.



PELAJAR FKSW UMS bergambar kenangan bersama pelajar SMK Bandaraya, Kota Kinabalu



MARJA Azlina (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Rody (ki-